

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN MPC BIL. 6/2020

Tarikh : 24 Disember 2020 (Khamis)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Majlis, Blok Inovasi
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor
Pengerusi : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Kehadiran : Seperti di Lampiran I

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada semua yang hadir ke mesyuarat ini.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa MPC merupakan salah satu agensi yang berperanan dalam melaksanakan Agenda Digital Negara bagi memastikan kedudukan daya saing negara dapat diperkukuhkan selaras dengan tanggung jawab sebagai sekretariat Readiness Assesment (RA).
- 1.3 Selain itu, pengerusi memperkenalkan barisan urusetia yang baharu kepada ahli mesyuarat susulan tindakan rombakan pegawai telah diambil hasil dari cadangan oleh Unit Audit Dalam, MITI bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan perolehan di MPC.

Makluman

2.0 KELULUSAN MINIT MESYUARAT BIL. 5/2020

Minit mesyuarat Bil. 5/2020 bertarikh 27 Oktober 2020 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob diluluskan tanpa sebarang pindaan.

Makluman

3.0 MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN MPC BIL. 5/2020

- 3.1 Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan *Delivery Management Office* (DMO) bilangan 10/2020 pada 20 November 2020 telah memutuskan supaya Private Hospital Productivity Nexus (PHPN) tidak meneruskan kajian tersebut sebaliknya pihak PHPN akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melaksanakan kajian seperti dirancang.
- 3.2 Mesyuarat mengambil maklum berhubung maklumbalas minit dan mesyuarat yang lepas.

4.0 MEMPERTIMBANGKAN KERTAS KELULUSAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

4.1 Kertas I: Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan Awam, Struktur dan Geoteknik Bagi Kerja Pembaikan di Bangunan Ibu Pejabat MPC (Blok Inovasi) Petaling Jaya.

Mesyuarat mengambil maklum penjelasan oleh wakil iaitu Puan Norazlina Tun Ibrahim namun pertanyaan telah dikemukakan oleh YBhg. Dato' Muhamad Noor Yacob mengenai adakah kos perunding kajian yang akan ditanggung oleh kerajaan dapat dituntut semula daripada pihak MRCB sebagai tuntutan pampasan dari kerosakan yang berpunca hasil dari pembangunan yang dilakukan oleh pihak MRCB.

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas pelantikan firma perunding yang dibentangkan kepada perunding 1/4 diikuti dengan 2/4 dengan kos siling sebanyak RM180,000.00.

Namun, pihak urusetia dan pegawai bertanggungjawab (PIC) dipohon untuk merujuk kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mendapatkan pencerahan sama ada kos perunding kajian tersebut boleh dituntut dan memberikan maklum balas pada mesyuarat yang akan datang.

Makluman & Tindakan Urusetia

4.2 Kertas II: Perkhidmatan Perunding Merekabentuk dan Penyeliaan Kerja Pengubahsuaian di Bangunan Ibu Pejabat MPC (Blok Inovasi) Petaling Jaya.

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas pelantikan firma perunding yang dibentangkan kepada perunding 2/3 diikuti dengan perunding 3/3 dengan kos siling sebanyak RM75,000.00 dengan syarat perunding yang dilantik bukan daripada syarikat yang sama atau syarikat yang telah menjalankan kerja dengan MPC sebelum ini.

Makluman

4.3 Kertas III: Perkhidmatan Perunding Bagi Pembaikan Elektrik dan Pagar Kompleks MPC Wilayah Selatan

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas pelantikan firma perunding yang dibentangkan kepada perunding 1/3 diikuti dengan perunding 2/3 dengan kos siling sebanyak RM45,000.00.

4.4 Kertas IV: Perkhidmatan Perunding Kerja-Kerja Tanah (Consultant Earthworks) Pembinaan Pagar & Pembaikan Bangunan di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak.

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas pelantikan firma perunding yang dibentangkan kepada perunding 1/3 di mana menepati kod bidang yang dinyatakan dan diikuti dengan perunding 3/3 dengan kos siling sebanyak RM204,520.00.

Walau bagaimanapun, Urusetia dipohon untuk memaklumkan di dalam mesyuarat yang akan datang, dokumen sokongan hasil perbincangan bersama pihak JKR berkenaan dengan kod bidang yang terhad tersebut.

Makluman & Tindakan Urusetia

5.0 Hal-hal Lain

5.1 Perkara I: Makluman Lembaga Perolehan MPC (Perubahan Tempat Penganjuran APIC 2020)

Perancangan awal bagi penganjuran majlis ini adalah secara hibrid di mana akan dikendalikan secara fizikal (SPCC) dan maya (online). Walau bagaimanapun, keseluruhan penganjuran terpaksa diubah dan dikendalikan secara maya sepenuhnya memandangkan *Standard Operating Procedure* (SOP) ketika itu tidak membenarkan penganjuran di hotel.

Mesyuarat mengambil maklum dan memperakukan perubahan tempat dan kaedah penganjuran Majlis Penyampaian Anugerah APIC 2020 yang akan dijalankan secara maya sepenuhnya.

5.2 Perkara II: Makluman Nota Kredit bagi pembayaran Badan Penilai di bawah Industry4WRD

Mesyuarat Lembaga Perolehan MPC Bil. 2/2020 pada 15 Mei 2020 dan Bil. 4/2020 pada 28 Ogos 2020 telah memuktamadkan 6 rundingan harga bagi projek Penilaian Industry4WRD Readiness Assessment (RA) kepada 6 Badan Penilai (AB). Nilai tawaran perkhidmatan adalah berdasarkan agihan bilangan syarikat kepada setiap AB.

Terdapat perubahan nilai tawaran yang dituntut oleh 3 AB (SIRIM Berhad, MARii dan MIMOS Berhad) dari jumlah yang ditetapkan kerana terdapat beberapa syarikat yang telah menarik diri dan memerlukan nilai nota kredit.

Mesyuarat mengambil maklum dan memperakukan perubahan nilai pembayaran dan nilai nota kredit yang berkaitan.

Makluman

6.0 Penutup

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.45 petang dan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.

Disediakan oleh:



(NOR IZZATI NORHISAM)

Urusetia

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh: 13 Januari 2021

Disemak oleh:




(MAHADI HASBULLAH)

Urusetia

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh: 13 Januari 2021

Disahkan oleh: 7



(YBHG. DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Pengerusi

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh: 13/1/2021

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
BIL. 6/2020**

- | | |
|---|-------------|
| 1. YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman | - Pengerusi |
| 2. YBhg. Dato' Muhamad Noor Yacob | - Ahli |
| 3. YBrs. Encik A. Balasubramaniam | - Ahli |

URUSETIA

- | |
|--|
| 4. Encik Mahadi Hasbullah
Pengurus Kanan, Unit Pengurusan Perolehan |
| 5. Cik Nor Izzati Norhisam
Pengurus, Unit Pengurusan Perolehan |
| 6. Puan Wan Khairunnisa Azmi
Penolong Pengurus, Unit Pengurusan Perolehan |
| 7. Encik Al Hisyam Abdul Halim
Penolong Pengurus, Unit Pengurusan Perolehan |